

Undi tak percaya jalan terakhir tentukan keabsahaan sokongan PM

- Sehingga hari ini walaupun beberapa kali percubaan membawa usul undi tidak percaya ke atas Perdana Menteri dilakukan di Dewan Rakyat, namun belum pernah dibahaskan apatah lagi diluluskan

- Suatu mekanisme khusus sama ada melalui kaedah formal atau tidak formal harus dirancang bagi menjamin kestabilan politik dapat dinikmati untuk jangka masa panjang



Oleh Dr Hafidz Hakim Haron
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan,
Pusat Pengajian
Undang-Undang,
Kolej Undang-Undang,
Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa (COLGIS),
Universiti Utara Malaysia

Sejak beberapa tahun lalu, khasnya selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 2018, negara mengalami beberapa peristiwa memeritkan mengakibatkan kemelut politik tidak berkesudahan. Justeru, pasca PRU15 dengan pembentukan Kerajaan Perpaduan, ia menjadi harapan baharu untuk menoktahkan kemelut politik negara.

Namun, 'kecairan' sokongan dalam kalangan ahli politik mutakhir ini menimbulkan beberapa cabaran terhadap amalan demokrasi berparlimen di negara ini.

Terdahulu, kontroversi timbul apabila sebilangan Ahli Parlimen pembangkang menyatakan sokongan kepada pimpinan Perdana

Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tindakan mereka menimbulkan perdebatan sama ada bertentangan dengan mekanisme kawalan aktiviti lompat parti diwujudkan dalam Perlembagaan atau sebaliknya. Terkini, timbul pula desas-desus mengenai Langkah Dubai dan cabaran Perdana Menteri supaya pembangkang mengemukakan usul tidak percaya di Dewan Rakyat.

Walaupun kedua-duanya reaksi politik berlainan, ia mampu memberikan kesan besar terhadap negara, apatah lagi mandat pemerintahan sudah diberikan rakyat menerusi pilihan raya. Namun, ada pihak berpendapat usul undi tidak percaya adalah langkah demokratik positif untuk menguji keabsahan sokongan terhadap Perdana Menteri.

Kedua-dua pendapat ini sedikit sebanyak menuntut kita untuk memahami lebih mendalam apakah dimaksudkan dengan undi tidak percaya serta kesannya terhadap institusi pemerintahan negara dan Perdana Menteri.

Perdana Menteri adalah jawatan terpenting dalam Perlembagaan; beliau ketua kerajaan pada peringkat Persekutuan dan pelantikannya dibuat atas budi bicara Yang di-Pertuan Agong mengikut Perkara 40(2) Perlembagaan.

Walaupun pelantikan Perdana Menteri dibuat atas hemah dan perkenan Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri tidak memegang jawatan itu atas perkenan baginda, sebaliknya memerlukan sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat.

Hal ini dinyatakan melalui Perkara 43(4) memperuntukkan 'Jika Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, maka hendaklah meletakkan jawatan melainkan jika atas permintaannya Parlimen dibubarkan Yang

di-Pertuan Agong'.

Oleh demikian, Yang di-Pertuan Agong boleh memecat seseorang Perdana Menteri jika terbukti dirinya hilang sokongan secara sah sekiranya enggan meletakkan jawatannya. Secara mudah kedudukan Perdana Menteri tidak boleh diganggu gugat tanpa usul tidak percaya.

Oleh itu, jika seseorang Perdana Menteri hilang sokongan untuk terus memimpin kerajaan, maka dirinya boleh kehilangan mandat untuk terus memimpin.

Manifestasi dalam Dewan Perundangan

Namun pendapat diterima pakai secara meluas adalah sekiranya timbul sesuatu ketidakyakinan terhadap seseorang pemimpin kerajaan termasuk Perdana Menteri, maka ketidakyakinan itu harus dimanifestasikan dalam Dewan Perundangan, menerusi usul undi tidak percaya.

Dalam hal ini, usul undi percaya tertakluk kepada Aturan Mesyuarat Parlimen. Peraturan mesyuarat menuntut urusan kerajaan perlu didahulukan berbanding urusan lain. Namun, ia boleh diubah jika dicadangkan seorang menteri.

Selain itu, kegagalan kerajaan meluluskan satu rang undang-undang (RUU) pada bacaan kedua dan/atau ketiga juga boleh ditafsirkan sebagai suatu bentuk undi tidak percaya. Seterusnya, undi tidak percaya juga boleh dimanifestasikan sekiranya kerajaan gagal melaksanakan sesuatu dasar penting.

Undi tidak percaya juga boleh terjadi jika Perdana Menteri gagal mendapatkan undi percaya selepas mengusulkannya di Dewan Rakyat. Akhir sekali, undi tidak percaya juga boleh wujud akibat situasi luar biasa, termasuk menerusi aktiviti lompat parti atau pertukaran sokongan terhadap kepimpinan.

Sehingga hari ini walaupun beberapa kali percubaan membawa usul undi tidak percaya ke atas Perdana Menteri dilakukan di Dewan Rakyat, namun masih belum pernah dibahaskan apatah lagi diluluskan.

Sekiranya undi tidak percaya berjaya dizahirkan dan diluluskan di Dewan Rakyat, maka ia akan memberikan impak sangat besar terhadap institusi pentadbiran negara. Kesan paling besar adalah Perdana Menteri harus meletakkan jawatan.

Pada masa sama, Jemaah Menteri akan turut terbubar kerana Perdana Menteri kehilangan kepercayaan di Dewan Rakyat disebabkan nukleus kuasa Jemaah Menteri terletak kepada lantikan seseorang Perdana Menteri.

Secara mudah, ketika itu negara tidak mempunyai kerajaan memiliki mandat untuk mentadbir dan berkemungkinan besar akan diuruskan kerajaan interim berkuasa terhad dilantik Yang di-Pertuan Agong.

Oleh demikian, seorang Perdana Menteri baharu harus dilantik bagi meneruskan kelangsungan pentadbiran negara. Dalam hal ini terdapat dua kaedah boleh diambil bagi mengisi kekosongan jawatan Perdana Menteri.

Pertama, Yang di-Pertuan Agong boleh melantik mana-mana ahli Dewan Rakyat pada hemah baginda memiliki sokongan majoriti Ahli Parlimen. Kaedah ini mampu menjimatkan kos dan masa serta memberikan penyelesaian lebih pantas dalam menangani isu kekosongan jawatan Perdana Menteri.

Kaedah kedua adalah menerusi pembubaran Dewan Rakyat diperkenan Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri sebelum meletakkan jawatannya. Keadaan ini akan mewajibkan PRU diadakan bagi memilih wakil rakyat baharu. Walaupun kaedah ini paling demokratik, namun ia bakal memberikan tekanan kos kepada kerajaan bagi melaksanakan PRU.

Pada masa sama, seseorang Perdana Menteri juga mempunyai beberapa cara bagi mengelak undi tidak percaya dilaksanakan ke atasnya.

Pertama, Perdana Menteri boleh mengusulkan undi percaya dibuat ke atasnya, yang mana kejayaan pengundian itu boleh memberikan keabsahan dan legitimasi jelas terhadap kepimpinannya.

Seterusnya Perdana Menteri boleh menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk memprolog atau menangguhkan sidang Parlimen sehingga selama enam bulan. Keadaan ini mampu mengelakkan usul undi tidak percaya dibentangkan di Parlimen, sekali gus memberikan ruang kepada Perdana Menteri merayu dan menambahkan sokongan politik terhadap beliau.

Dalam hal ini, suatu mekanisme khusus sama ada melalui kaedah formal atau tidak formal harus dirangka bagi menjamin kestabilan politik dapat dinikmati untuk jangka masa panjang.

Perkara yang mampu mencetuskan ketidakstabilan negara seperti aktiviti lompat parti, penzahiran sokongan terhadap Perdana Menteri mahupun undi tidak percaya harus diuruskan dan dikawal selia dengan lebih baik.

Dalam pada itu, penekanan lebih jitu harus diberi terhadap aspek integriti politik termasuk merangkumi elemen fitnah bermotifkan politik, pecah amanah, salah guna kuasa ataupun politik wang.

Dalam merai peranan undi tidak percaya untuk memastikan seseorang ketua kerajaan itu layak menerajui kerajaannya, tindakan ini harus dianggap sebagai jalan terakhir dalam menentukan keabsahan sesebuah kerajaan kerana ia boleh memberikan kesan sangat besar kepada rakyat dan negara.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH